

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 49

Maklumat di bawah ialah Kunci Kira-kira Wanggi Trading pada 30 Jun 2017:

Wanggi Trading			
Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2017			
	RM		RM
Premis	62,500	Modal	80,000
Pelaburan	8,000	Untung bersih	18,620
Alatan pejabat (nilai bersih)	8,930	Pemiutang	6,400
Perabot (nilai bersih)	14,370		
Stok	6,500		
Penghutang	2,880		
Bank	1,840		
	<u>105,020</u>		<u>105,020</u>

Penyata kewangan perniagaan telah disediakan sebelum menerima penyata bank bulan Jun 2017. Penyimpan kira perniagaan ini telah mengesan beberapa perbezaan di antara baki bank di buku tunai dan baki bank di penyata bank yang mungkin memerlukan pelarasan terhadap baki akaun-akaun tertentu, termasuk untung bersih perniagaan. Perbezaan-perbezaan ini adalah

- (i) Sekeping cek yang bernilai RM382 yang dibayar kepada Syarikat Tim Perabot Sdn Bhd bagi bayaran membaiki perabot pejabat belum lagi ditunaikan oleh syarikat ini.
- (ii) Bank telah mendebitkan akaun perniagaan dengan caj perkhidmatan sebanyak RM25.
- (iii) Bank telah mengenakan faedah atas kemudahan overdraf yang telah digunakan oleh perniagaan dalam bulan Jun. Jumlah faedah ialah RM72.
- (iv) Jualan tunai sebanyak RM1,920 yang dibankkan pada 30 Jun 2017 belum lagi dikreditkan oleh pihak bank.
- (v) Bank telah membuat bayaran untuk insurans kebakaran dan kecurian perniagaan RM220 dan insurans nyawa pemilik RM80 berdasarkan kepada arahan tetap.
- (vi) Dividen pelaburan telah dikreditkan terus ke akaun bank RM130.
- (vii) Seorang penghutang telah menjelaskan hutangnya sebanyak RM162, selepas ditolak diskaun RM8, dengan membuat pemindahan kredit daripada akaunnya.
- (viii) Cek dari penghutang, Hansel, berjumlah RM180 tidak dilayan oleh pihak bank.
- (ix) Penyimpan kira telah membuat dua kesilapan, iaitu:
 - Jumlah komisen yang diterima dan dibankkan ialah RM872. Rekod dalam buku tunai menunjukkan jumlah yang berbeza, iaitu RM782.
 - Sekeping cek yang dikeluarkan kepada seorang pemiutang yang berjumlah RM420 telah direkodkan sebagai RM240.
- (x) Pihak bank telah tersilap kreditkan akaun perniagaan sebanyak RM80.

Dikehendaki:

- (a) Berdasarkan kepada maklumat diberikan, lengkapkan jadual yang diberikan di bawah dengan mengambil kira semua perbezaan. Nyatakan "TC" untuk "tiada catatan" di ruangan bank bagi perbezaan-perbezaan yang tidak memerlukan apa-apa catatan.

Akaun- akaun	Pelarasan Perbezaan											Baki akhir
	Baki awal	(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(v)	(vi)	(vii)	(viii)	(ix)	(x)	
ASET	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Premis												
Pelaburan												
Alatan pejabat												
Perabot												
Stok												
Penghutang												
Bank												
Jumlah Aset												
LIABILITI												
Pemiutang												
Jumlah liabiliti												
EKUITI PEMILIK												
Modal												
Untung bersih												
Jumlah ekuiti pemilik												

- (b) Sediakan semula Kunci kira-kira perniagaan ini pada 30 Jun 2017 setelah perbezaan-perbezaan di atas diambil kira.